

PENGGUNAAN BAHASA OLEH ETNIK MELANAU MUKAH

(*Language Use Among The Melanau Ethnic Group in Mukah*)

Kai-Chee Lam¹ 

kclam@unimas.my

Nur Khasrina Kahar²

nurkhasrina99@gmail.com

Hamidah Abdul Wahab³ 

awhamidah@unimas.my

Hie-Ling Ting⁴ 

tinghieling@uitm.edu.my

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.^{1,2&3}

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, 96400 Mukah, Sarawak, Malaysia.⁴

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Kai-Chee Lam, Nur Khasrina Kahar, Hamidah Abdul Wahab, & Hie-Ling Ting. (2025). Penggunaan bahasa oleh etnik Melanau Mukah. *Jurnal Bahasa*, 25(1), 179–204. [https://doi.org/10.37052/jb25\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/jb25(1)no7)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Peroleh: <i>Received:</i>	1/11/2024	Semakan: <i>Revised:</i>	15/5/2025	Terima: <i>Accepted:</i>	30/5/2025	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	26/6/2025
------------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	-----------

Abstrak

Kebolehan bertutur dalam multibahasa merupakan suatu kelebihan. Namun begitu, bahasa satu-satu etnik mungkin terancam kerana makin banyak penuturnya yang dapat menguasai bahasa lain yang lebih dominan. Kajian ini dilakukan untuk menyelidik penggunaan

bahasa dalam kalangan etnik Melanau di Mukah, Sarawak. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti penggunaan bahasa masyarakat sasaran dalam domain kekeluargaan, domain kejiranan, domain keagamaan dan domain pendidikan, serta mengkaji trend penggunaan bahasa dalam generasi tua, dewasa dan muda masyarakat sasaran. Kajian kuantitatif ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen dan menggunakan analisis domain oleh Fishman (1972) untuk menganalisis data. Responden terdiri daripada 120 orang Melanau multilingual yang menetap di Mukah. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Melanau Mukah masih pilihan utama masyarakat sasaran dalam domain kekeluargaan dan domain kejiranan. Peningkatan tahap kerasmian dalam domain keagamaan dan domain pendidikan menyebabkan peningkatan penggunaan dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu, seterusnya memenggiringkan bahasa Melanau Mukah. Walaupun kedudukan bahasa Melanau Mukah masih kukuh dalam masyarakat Melanau Mukah, keadaan ini mungkin berubah dalam beberapa generasi akan datang berikutan penggunaan dialek Melayu Sarawak yang makin meluas dalam kalangan responden. Penggunaan bahasa Melanau Mukah di rumah harus diteruskan untuk mengelakkan bahasa Melanau Mukah menjadi bahasa terancam. Kajian pada masa akan datang perlu mengaitkan penggunaan bahasa Melanau Mukah dengan sikap penutur, selain meneliti tahap kefasihan bahasa Melanau Mukah dalam kalangan golongan muda masyarakat Melanau Mukah.

Kata kunci: Analisis domain, Melanau, bahasa Melanau Mukah, penggunaan bahasa, trend merentasi generasi, bahasa etnik

Abstract

Being multilingual is an advantage. However, the language of a particular ethnic group may become endangered as more speakers gain proficiency in more dominant languages. This study aims at investigating the language use among the Melanau ethnic group in Mukah, Sarawak. The objectives of the study are (1) to identify the language use within family, neighbourhood, religious, and education domains; and (2) to examine the trend of language use across the older, adult, and younger generations of the target community. This quantitative study used questionnaires as the research instrument and Fishman's (1972) domain analysis framework for data analysis. The respondents comprised of 120 multilingual Melanau individuals residing in Mukah. Findings show that Melanau Mukah language

remains the primary choice within family and neighbourhood domains. However, the increased in the degree of formality in religious and educational domains has led to greater use of the Sarawakian Malay Dialect and the Malay language, sidelining Melanau Mukah language. While bahasa Melanau Mukah still holds a stable position in among its speakers, the condition is likely to change in the next few generations following the increasingly widespread use of Sarawak Malay dialect among respondents. Continued use of Melanau Mukah dialect at home is necessary to prevent it from becoming endangered. Future studies should explore the relationship between language use and speaker attitudes and assess fluency levels in the Melanau Mukah language among the younger generation.

Keywords: Domain analysis, Melanau, Melanau Mukah language, language use, trend across generations, ethnic language

PENDAHULUAN

Pada era globalisasi ini, kajian penggunaan bahasa etnik makin menjadi tumpuan penyelidik, seperti Berawati Renddan et al. (2020), Burhan Murshidi Baharon et al. (2023), Dilah Tuah et al. (2021) dan Sa'adiah Ma'alip (2019). Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan bahasa etnik dalam pelbagai konteks oleh penuturnya, sama ada dalam keluarga, di tempat kerja atau kawasan awam, bukan sekadar mencerminkan pemeliharaan budaya, tetapi juga mempamerkan ketahanan bahasa etnik di bawah arus penggunaan bahasa lain yang mungkin lebih dominan.

Dalam hal ini, Fishman (1972) mengemukakan analisis domain untuk menyelidik cara bahasa digunakan dalam pelbagai domain sosial oleh satu-satu kumpulan etnik. Menurut pengkaji itu, domain merupakan suatu konteks penggunaan bahasa yang melibatkan lawan tutur, situasi, masa dan topik. Domain membina sosiobudaya yang digarap melalui topik komunikasi dan pertalian antara penutur dengan masyarakat tutur. Contoh domain yang lazimnya bersangkut paut dengan kehidupan masyarakat ialah domain kekeluargaan, domain keagamaan, domain pendidikan dan domain pekerjaan (Fishman, 1972). Semua domain ini merupakan faktor penting dalam penggunaan bahasa, di samping faktor penutur, situasi, lokasi dan waktu (Holmes, 2001).

Dengan berdasarkan analisis domain oleh Fishman (1972) ini, dapat dikatakan bahawa daya hidup sesuatu bahasa etnik bukan bergantung sepenuhnya pada jumlah penuturnya, tetapi takat penggunaan bahasa etnik

itu dalam domain yang saling bersangkut paut dalam kehidupan sehari-hari penuturnya (Dilah Tuah et al., 2021).

Latar Belakang Kawasan Kajian dan Responden Kajian

Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia dengan keluasan lebih kurang 125,000 kilometer persegi. Negeri ini dipisahkan daripada Semenanjung Malaysia oleh Laut China Selatan dengan jarak 600 kilometer (Majlis Keselamatan Negara, 2022). Sebelum Mac 2002, Sarawak terbahagi kepada sembilan bahagian sahaja, iaitu Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Limbang, Sarakei, Kapit, Samarahan dan Bintulu. Pada 1 Mac 2002, Mukah diisytiharkan sebagai bahagian kesepuluh dalam pentadbiran Sarawak. Mukah terletak di wilayah tengah Sarawak dan mempunyai keluasan 2,536 kilometer persegi (Norfazila Ab. Hamid, & Rahim Aman, 2016). Sebahagian besar Mukah menghadap perairan Laut China Selatan, iaitu mengunjur dari Balingian di belah Timur hingga Belawai di belah Barat dengan pantai sepanjang 200 kilometer. Bahagian ini bersempadan dengan Sarakei di belah Barat Daya, Sibu di belah Selatan dan Bintulu di belah Timur Laut.

Dengan berasaskan Banci Penduduk 2010, dianggarkan bahawa penduduk di Mukah ialah 110,024 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Daripada jumlah tersebut, jumlah penduduk etnik Melanaupun mempunyai bilangan penduduk yang melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan penduduk Mukah, iaitu banyak 66,698 orang (60.62%). Etnik kedua yang paling banyak di Mukah ialah etnik Iban dengan jumlah 20,466 orang (18.60%).

Mukah dijadikan sebagai kawasan kajian kerana kedudukannya sebagai pusat populasi Melanaupun yang utama yang memperlihatkan kepelbagaiannya dalam penggunaan bahasa, serta cabaran intergenerasi dalam pengekalan bahasa warisan. Oleh itu, Mukah merupakan tapak yang sesuai untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang tahap penggunaan dan sikap bahasa dalam kalangan etnik Melanaupun.

Etnik Melanaupun merupakan satu daripada etnik bumiputera di Sarawak. Chong (2020) menjelaskan bahawa etnik Melanaupun berasal daripada hulu Rejang dan berkerabat dengan suku Kajang. Nama “Melanaupun” merupakan nama yang digunakan oleh masyarakat Brunei terhadap etnik ini. Sebutan kata “Melanaupun” kedengaran serupa dengan “Melayu” dan sebab itulah orang Melanaupun sering disalah anggap sebagai orang Melayu. Walau bagaimanapun, dari segi budaya, agama dan adat resam, etnik Melanaupun dan Melayu di Sarawak tidak banyak perbezaan.

Walaupun etnik Melanau merupakan etnik dominan di Mukah, etnik ini turut tinggal dalam satu masyarakat berbilang etnik dan budaya. Percampuran dan interaksi sesama etnik menyebabkan etnik ini berupaya untuk bertutur lebih daripada satu bahasa selain bahasa Melanau (Mohammed Azlan Mis, 2011). Antaranya termasuklah bahasa Iban, dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu Standard. Memang tidak dinafikan bahawa pada era moden ini, kebolehan bertutur dalam multibahasa merupakan satu kelebihan, namun timbul persoalan, sama ada bahasa satu-satu kumpulan etnik akan lenyap disebabkan oleh kewujudan bahasa yang lebih dominan (Hayati Lateh et al., 2013; Zenab, Anggana, 2024). Peralihan bahasa dalam masyarakat mungkin telah bermula, tetapi kadarnya perlahan sehingga penuturnya kurang menyedarinya. Satu daripada kaedah yang dapat mengesahkan, sama ada peralihan bahasa sedang berlaku dalam satu-satu kumpulan etnik atau tidak adalah dengan cara menganalisis trend penggunaan bahasa etnik tersebut merentasi generasi (Ong, & Ting, 2023; Zhang et al., 2023). Atas kesedaran ini, pengkaji menganalisis penggunaan bahasa dan trend penggunaan bahasa oleh tiga generasi masyarakat Melanau di Mukah.

KAJIAN LEPAS

Analisis domain oleh Fishman (1972) biasa digunakan oleh pengkaji penggunaan bahasa, sama ada di dalam negara (Akhmad Mansur et al., 2024; Burhan Murshidi Baharon et al., 2023; Mohammed Azlan Mis, 2011; Nurul Jannah Hussin, & Mohamad Suhaizi Suhaimi, 2023) atau di luar negara (Gabriel, 2024; Muliana, Subur, 2022; Saputra et al., 2024).

Berbeza daripada makalah ini yang mengkaji penggunaan bahasa etnik Melanau merentasi generasi di Mukah, Mohammed Azlan Mis (2011) menyelidik pilihan bahasa etnik Melanau di Sarikei, Sarawak. Mohammed Azlan Mis (2011) menggunakan soal selidik untuk mengutip data dan mendapatkan bahawa etnik Melanau di Sarikei menggunakan dialek Melayu Sarawak secara dominan untuk berhubung bukan sahaja sesama etnik sendiri, tetapi juga dengan etnik Melayu, Iban dan Cina. Selain dialek Melayu Sarawak, bahasa rojak Melayu-Melanau merupakan pilihan kedua. Fenomena ini dikatakan demikian kerana wujudnya perkaitan erat antara etnik Melanau dengan Melayu dari segi agama (sama-sama menganuti agama Islam) dan penempatan (menetap di perkampungan Melayu).

Sementara itu, Siti Aisah Zailani et al. (2019) mengenal pasti penggunaan bahasa oleh masyarakat Semai di sebuah perkampungan orang

asli melalui soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada 175 orang responden. Dapatan data bagi domain kekeluargaan menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan oleh 64% responden ketika bertutur dengan datuk dan nenek ialah bahasa Semai, manakala 69% responden memilih bahasa Semai bagi perbualan dengan ibu bapa. Pengkaji ini mendapati bahawa masyarakat sasaran masih menjadikan bahasa Semai sebagai wahana utama ketika berkomunikasi dalam domain kekeluargaan. Sementara itu, Mohd. Arifin Mohd. Arif et al. (2020) mengenal pasti bahasa yang dominan dalam domain kejiraninan untuk pelajar Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah menggunakan kaedah tinjauan lapangan. Penggunaan bahasa dalam domain kejiraninan menunjukkan bahawa penutur paling kerap menggunakan dialek Melayu Brunei ketika berhubung dengan jiran (82.1%) kerana dialek ini ialah kod variasi rendah dalam domain kejiraninan.

Dalam pada itu, Chong et al. (2018) mengkaji penggunaan bahasa mengikut domain dalam etnik Penan Muslim di Bintulu, Sarawak menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta. Kebanyakan responden beragama Islam dan Kristian, tetapi terdapat juga yang mengamalkan kepercayaan animisme. Dapatan kajian mendedahkan bahawa dalam domain keagamaan, responden yang beragama Islam, Katolik dan Protestan cenderung untuk menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Iban dalam upacara keagamaan. Responden yang mengamalkan kepercayaan animisme pula masih menggunakan bahasa Penan sebagai bahasa ritual. Pengkaji ini turut mendapati bahawa responden cenderung untuk memilih bahasa Iban dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam domain keagamaan kerana terdapat sesetengah penduduk yang kurang fasih berbahasa Penan. Perkara ini bersangkutan paut dengan kemerosotan penggunaan bahasa Penan dalam kalangan penuturnya kerana berlaku peralihan bahasa pengantar utama dalam kumpulan etnik yang dikaji. Berawati Renddan et al. (2020) pula mengenal pasti penggunaan bahasa oleh penutur Bajau Samah di sebuah perkampungan di Sabah menggunakan kaedah tinjauan dan menggunakan soal selidik berstruktur. Pengkaji ini mendapati bahawa semua responden hanya menggunakan bahasa Melayu dalam domain pendidikan. Oleh itu, pengkaji ini menyimpulkan bahawa bahasa dominan dalam sesuatu domain menjadi punca utama kemerosotan penggunaan bahasa ibunda dalam domain tersebut sebagai bahasa pertuturan utama dalam domain yang dikaji.

Bagi penyelidikan penggunaan bahasa yang merentasi generasi penutur dialek Melayu Satun (MS), Hayati Lateh et al. (2020) melihat korelasi antara penggunaan MS dengan umur dalam enam domain. Sejumlah 121

orang penutur MS daripada kategori umur remaja, dewasa dan tua telah melengkapkan soal selidik dan ditemu bual, serta diperhatikan secara langsung. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan korelasi yang signifikan antara penggunaan MS dengan faktor umur dalam domain kekeluargaan dan domain jual beli. Domain tidak formal memperlihatkan penggunaan MS oleh semua kategori umur, sementara domain formal memperlihatkan penggunaan bahasa Thai Standard. Pengkaji ini mendapati bahawa peralihan bahasa berlaku dalam domain kekeluargaan dan domain keagamaan.

Dilah Tuah et al. (2021) pula mengkaji daya tahan bahasa Kedayan di Sarawak. Informan kajian dibahagikan mengikut generasi. Generasi pertama berusia 51 tahun ke atas, generasi kedua antara 31 hingga 50 tahun dan generasi ketiga antara 7 hingga 30 tahun. Bagi penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan dan domain persahabatan, generasi kedua kerap menggunakan bahasa Kedayan. Namun begitu, apabila berinteraksi dengan guru di sekolah, generasi ini cenderung untuk menggunakan bahasa Melayu kerana kebanyakan guru bukan orang tempatan. Bagi generasi ketiga, dapatan bagi domain kekeluargaan memperlihatkan campuran penggunaan bahasa Kedayan (dominan) dan dialek Melayu Sarawak. Bagi domain persahabatan pula, generasi ini menggunakan bahasa Kedayan secara dominan. Oleh itu, pengkaji menyimpulkan bahawa bahasa Kedayan masih berada pada tahap “selamat” dalam etnik Kedayan, lebih-lebih lagi dalam kalangan golongan dewasa.

Sementara itu, Berawati Renddan et al. (2020) meninjau penggunaan bahasa masyarakat Bajau Samah dalam lima domain, iaitu kejiranan, kekeluargaan, pendidikan, jual beli dan keagamaaan. Pengkaji ini mendapati bahawa generasi kedua (20–39 tahun) dalam kajian ini menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi dengan jiran tetangga, dan menggunakan bahasa Melayu dalam domain pendidikan dan domain keagamaan. Hanya dalam domain kekeluargaan, generasi ini masih menggunakan bahasa Bajau Samah. Pengkaji ini menyimpulkan bahawa generasi kedua ini sudah beralih bahasa, iaitu memilih bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan sehari-hari.

Ringkasnya, responden dalam kajian lepas kerap bertutur menggunakan bahasa yang turut difahami oleh pendengar dalam sesuatu domain. Dalam domain kekeluargaan, majoriti responden cenderung untuk menggunakan bahasa etnik ketika berinteraksi dengan ahli keluarga, terutamanya bagi generasi tua. Percampuran bahasa yang jelas lazimnya dikesan bermula

dalam kalangan responden dewasa. Bagi domain lain pula, seperti domain pendidikan, domain kejiranan dan domain keagamaan, berlaku percampuran dan peralihan bahasa mengikut bahasa pertuturan utama yang dipilih oleh responden dalam domain tersebut. Turut diperhatikan bahawa trend penggunaan bahasa bagi sesuatu domain tersebut berubah mengikut generasi. Penggunaan bahasa etnik makin merosot dalam kalangan generasi remaja, tetapi masih dominan dalam generasi tua dan generasi dewasa. Dapatan kajian tersebut dijadikan sebagai panduan untuk kajian ini.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan bahasa dalam kalangan etnik Melanau di Mukah, Sarawak. Objektif kajian adalah untuk:

- i. Mengenal pasti penggunaan bahasa responden dalam domain kekeluargaan, domain kejiranan, domain keagamaan dan domain pendidikan.
- ii. Mengkaji trend penggunaan bahasa generasi pertama, generasi kedua dan generasi ketiga responden.

METODOLOGI

Bagi memastikan kajian ini dilakukan secara berstruktur, analisis domain oleh Fishman (1972) digunakan sebagai kerangka analisis. Inti pati kerangka ini tertumpu pada penggunaan domain bahasa dan pilihan bahasa dalam konteks sosial tertentu. Fishman (1972) memperkenalkan konsep “siapa bercakap apa, dengan siapa, bila dan di mana”, yang bermaksud bahawa pilihan bahasa seseorang bukannya berlaku secara rawak, sebaliknya dipengaruhi oleh domain sosial. Fishman (1972) menekankan bahawa penggunaan bahasa ialah suatu yang berfungsi dan mengikut situasi, iaitu satu-satu bahasa boleh dominan dalam satu-satu domain, tetapi tidak semestinya dominan dalam domain lain. Oleh itu, analisis domain ini digunakan untuk mengklasifikasikan penggunaan bahasa dalam domain tertentu dan cara status satu-satu bahasa dipersepsikan, serta mengkaji tahap pengekalan atau peralihan bahasa. Dalam kajian ini, analisis domain membolehkan penyelidik mendalami cara bahasa Melanau Mukah digunakan dalam domain penting dalam kehidupan responden, di samping mengesan pola pengekalan atau peralihan bahasa Melanau Mukah dalam kalangan penuturnya.

Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif dengan berlandaskan pendekatan kuantitatif. Responden terdiri daripada 120 orang Melanau yang menetap di daerah Mukah. Menurut McMillan dan Schumacher (2001), saiz sampel dalam lingkungan 100 orang bagi kajian tinjauan seumpama ini memadai. Bagi menjawab objektif kajian kedua, responden turut dikelaskan kepada generasi pertama (GI, 50 tahun dan ke atas), generasi kedua (GII, 30–49 tahun), dan generasi ketiga (GIII, 13–29 tahun) (Dilah Tuah et al., 2021). Pengelompokan responden tersebut bersesuaian dengan konsep generasi pengguna bahasa dalam domain khusus yang diutarakan oleh David (2002). Responden dipilih secara persampelan kuota untuk memastikan jumlah untuk setiap generasi ialah 40 orang.

Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik yang diadaptasi daripada Dilah Tuah et al. (2021). Soalan dalam soal selidik memfokuskan bahasa perantaraan utama yang digunakan oleh responden. sama ada bahasa Melanau Mukah (BMM), bahasa Melayu (BM), bahasa Iban (BI) dan dialek Melayu Sarawak (DMS) dalam domain yang dikaji. Bahasa ini dipilih kerana BMM merupakan bahasa etnik responden, BM merupakan bahasa kebangsaan, BI sebagai bahasa etnik Iban selaku etnik kedua terbesar di Mukah dan DMS sebagai satu daripada bahasa perantaraan utama di Sarawak. Soal selidik ini terdiri daripada 36 pernyataan yang ditulis menggunakan bahasa Melayu yang mudah difahami dan dibahagikan kepada domain kekeluargaan, domain kejiraninan, domain keagamaan dan domain pendidikan. Pecahan sedemikian dapat merangkumi situasi umum penggunaan bahasa responden. Responden dibenarkan untuk memilih lebih daripada satu bahasa pertuturan bagi setiap pernyataan.

Borang soal selidik diedarkan dalam tempoh sebulan melalui Facebook Melanau Mukah dalam bentuk Google Form. Medium ini dipilih berdasarkan keaktifan penggunaannya dalam kalangan etnik Melanau Mukah bagi mendapatkan maklum balas yang cepat. Responden yang tidak mahir mengisi Google Form dibantu oleh orang yang mengetahuinya. Setelah itu, data dimuat turun untuk dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini melaporkan penggunaan bahasa responden dalam empat domain bahasa yang dikaji. Bahagian ini juga memaparkan trend penggunaan bahasa oleh ketiga-tiga generasi responden. Bahagian perbincangan menyusuri bahagian dapatan.

Domain Kekeluargaan

Dalam konteks kajian ini, domain kekeluargaan merujuk situasi penggunaan bahasa yang berlaku sesama anggota keluarga, termasuklah datuk nenek dan saudara-mara dalam skop rumah tangga. Penggunaan bahasa responden ketika berinteraksi dengan interloker dalam domain kekeluargaan ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan.

Bil.	Pernyataan	BMM	DMS	BM	BI
1.	Bahasa pertuturan utama saya di rumah.	120 (100%)	0	0	0
2.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan ibu bapa.	120 (100%)	0	0	0
3.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan adik-beradik.	120 (100%)	0	0	0
4.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan ahli keluarga lain.	114 (95%)	6 (5%)	0	0
5.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan ibu/bapa saudara.	110 (91.7%)	10 (8.3%)	0	0
6.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan datuk dan nenek.	117 (97.5%)	3 (2.5%)	0	0
7.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan saudara mara jauh.	90 (75%)	30 (25%)	0	0
8.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan ahli keluarga selain Melanau Mukah.	5 (4.17%)	102 (85%)	13 (10.83%)	0
9.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan ahli keluarga Melanau selain Melanau Mukah.	10 (8.33%)	97 (80.83%)	13 (10.83%)	0
10.	Bahasa utama yang saya gunakan ketika majlis kenduri-kendara.	69 (57.5%)	46 (38.33%)	5 (4.17%)	0

Secara keseluruhannya, bahasa utama yang digunakan oleh masyarakat Melanau Mukah ketika berinteraksi dengan ahli keluarga terdekat ialah BMM. Hal ini menunjukkan bahawa etnik ini masih mengekalkan penggunaan bahasa etnik ketika berada di rumah. Bahasa pertuturan dengan ahli keluarga lain, seperti sepupu, ibu/bapa saudara, datuk dan nenek, serta saudara mara jauh juga turut memperlihatkan penggunaan

BMM yang dominan, iaitu 95%, 91.7%, 97.5% dan 75%, masing-masing. Walau bagaimanapun, turut diperhatikan bahawa percampuran bahasa berlaku sesama ahli keluarga yang lazimnya bukan daripada keluarga nuklear (keluarga yang terdiri daripada ibu bapa dan anak). Terdapat responden yang menggunakan DMS ketika berbual dengan sepupu (5%), ibu/bapa saudara (8.3%), datuk dan nenek (2.5%), serta saudara mara jauh (25%).

Namun begitu, apabila berhubung dengan ahli keluarga Melanau selain Melanau Mukah, dan ahli keluarga selain Melanau Mukah, responden menggunakan DMS, BMM dan BM. Dalam hal ini, DMS merupakan bahasa utama yang digunakan ketika berkomunikasi dalam kedua-dua situasi tersebut, iaitu sebanyak 85% dan 80.83%, masing-masing. Hanya 4.17% responden memilih BMM apabila bertutur dengan ahli keluarga selain Melanau Mukah. Responden yang memilih BMM ketika berkomunikasi dengan ahli keluarga Melanau selain Melanau Mukah pula ialah 8.33%.

Bagi situasi ketika berada dalam majlis kenduri-kendara, majoriti responden menggunakan BMM sebagai bahasa dominan (57.5%). Meskipun begitu, responden yang menggunakan DMS juga tidak kurang bilangannya, iaitu sebanyak 38.33%.

Secara keseluruhannya, BMM merupakan bahasa dominan dalam domain kekeluargaan, khususnya yang tertumpu pada ahli keluarga nuklear. Hal ini disebabkan oleh fungsi utama bahasa etnik sebagai medium komunikasi harian dalam kalangan ahli keluarga dan peranan ibu bapa untuk memupuk dan meneruskan penggunaan bahasa tersebut di rumah sebagai usaha mengekalkan identiti etnik dan warisan budaya. Sementara itu, tidak ada responden yang menggunakan BI dalam domain kekeluargaan. Hal ini dapat dikaitkan dengan analisis domain oleh Fishman (1972) yang menekankan bahawa penggunaan bahasa bergantung pada kesesuaian sosial dalam sesuatu domain. Dalam domain kekeluargaan, hubungan rapat dan intim antara ahli keluarga mendorong pengekalan bahasa etnik kerana perkaitan rapat dengan identiti, emosi dan semangat kekitaan. Penggunaan BI tidak relevan dengan hubungan kekeluargaan dalaman dan tidak memenuhi fungsi emosi dan simbolik yang dimainkan oleh BMM.

Domain Kejiranan

Penggunaan bahasa dalam domain kejiranan merujuk bahasa interaksi responden dengan komuniti yang tinggal berhampiran dengannya, iaitu jiran yang berlainan etnik, jiran yang lebih muda/tua, jiran yang berasal daripada negeri lain, serta ketika melakukan aktiviti kemasyarakatan dan seumpamanya. Penggunaan bahasa responden ketika berkomunikasi dengan komuniti yang tinggal berhampiran dengannya ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Penggunaan bahasa dalam domain kejiranan.

Bil.	Pernyataan	BMM	DMS	BM	BI
1.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan jiran selain Melanau.	6 (5%)	77 (64.17%)	37 (30.83%)	0
2.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan jiran Melanau selain Melanau Mukah.	5 (4.17%)	114 (95%)	1 (0.83%)	0
3.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan jiran Melanau Mukah.	120 (100%)	0	0	0
4.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan jiran Iban.	8 (6.67%)	82 (68.33%)	4 (3.33%)	26 (21.67%)
5.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan jiran yang lebih muda.	78 (65%)	42 (35%)	0	0
6.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan jiran yang lebih tua.	108 (90%)	11 (9.17%)	1 (0.83%)	0
7.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan jiran yang berasal daripada negeri lain.	0	26 (21.67%)	94 (78.33%)	0
8.	Bahasa yang saya gunakan ketika melakukan aktiviti kemasyarakatan.	57 (47.5%)	57 (47.5%)	6 (5%)	0
9.	Bahasa yang saya gunakan ketika menziarahi jiran tetangga.	90 (75%)	28 (23.33%)	2 (1.67%)	0

Penggunaan BMM sebagai bahasa komunikasi dalam domain kejiranan membuktikan bahawa masyarakat Melanau Mukah masih mengekalkan penggunaan bahasa etnik walaupun di luar konteks kekeluargaan, khususnya komunikasi dengan jiran Melanau Mukah (100%) dan jiran yang lebih tua (90%). Komunikasi dengan jiran tetangga dan jiran yang lebih muda pula mencatatkan penggunaan BMM yang masih dominan, iaitu 75% dan 65%, masing masing, tetapi mula menampakkan trend penggunaan DMS, iaitu 23.33% dan 35%, masing-masing. Ketika melakukan aktiviti kemasyarakatan, peratusan penggunaan bahasa bagi BMM dan DMS adalah sama, iaitu 47.5%.

Ketika berinteraksi dengan jiran yang berlainan etnik, DMS merupakan pilihan dominan (64.17%). Penggunaan DMS secara dominan ini termasuklah dalam konteks komunikasi dengan jiran Iban (68.33%), melainkan apabila responen pandai bertutur terus dalam BI dengan jiran Iban (21.67%). Apabila berhubung dengan jiran daripada negeri lain pula, BM merupakan bahasa dominan (78.33%). Dalam ketiga-tiga situasi tersebut, kekerapan penggunaan BMM hampir dapat diabaikan. Yang lebih menarik adalah apabila 95% responden menggunakan DMS bukannya BMM ketika berkomunikasi dengan jiran Melanau selain Melanau Mukah.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa BMM kekal dominan dalam domain kejiranan untuk komunikasi intraetnik Melanau Mukah, sementara penggunaan DMS dan BM menonjol dalam interaksi merentasi etnik. Hal ini mungkin berpunca daripada fungsi sosial dan keperluan komunikasi yang berbeza dalam domain kejiranan, sebagaimana yang dihuraikan dalam analisis domain oleh Fishman (1972), iaitu penggunaan bahasa ditentukan oleh faktor penutur, penutur lawan, lokasi dan topik. Dalam konteks ini, penggunaan BMM memperkuuh identiti dan semangat kekitaan apabila berinteraksi sesama etnik sendiri, manakala penggunaan DMS dan BM lebih sesuai apabila melibatkan etnik berlainan demi memastikan keberkesanannya komunikasi dan mengelakkan jurang bahasa. Oleh itu, peralihan bahasa berlaku secara strategik dan bersifat pragmatik mengikut kesesuaian domain sosial yang terlibat.

Domain Keagamaan

Domain keagamaan merujuk penggunaan bahasa dalam urusan keagamaan, adat istiadat dan kepercayaan sesebuah masyarakat (Dilah Tuah et al., 2021). Dalam kajian ini, domain keagamaan memfokuskan konteks rumah ibadah dan upacara keagamaan.

Taburan responden mengikut agama ditunjukkan dalam Jadual 3, manakala penggunaan bahasa dalam domain keagamaan dapat dilihat dalam Jadual 4.

Jadual 3 Taburan responden mengikut agama.

Agama	Jumlah (%)
Islam	85 (70.83%)
Kristian	35 (29.17%)
Jumlah	120 (100%)

Jadual 4 Penggunaan bahasa dalam domain keagamaan.

Bil.	Pernyataan	BMM	DMS	BM	BI
1.	Bahasa am yang saya gunakan ketika berada di rumah ibadah.	27 (22.5%)	48 (40%)	43 (35.83%)	2 (1.67%)
2.	Bahasa yang saya gunakan ketika membaca doa bersendirian selepas beribadah.	19 (15.83%)	20 (16.67%)	81 (67.5%)	0
3.	Bahasa yang saya gunakan ketika bertanya soalan dalam sesi soal jawab agama di rumah ibadah.	38 (31.67%)	42 (35%)	40 (33.33%)	0
4.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan penceramah dalam majlis ilmu di rumah ibadah.	6 (5%)	20 (16.67%)	94 (78.33%)	0
5.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertanya tentang arahan membaca kitab agama.	16 (13.33%)	30 (25%)	74 (61.67%)	0
6.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan pengamal Melanau Mukah di rumah ibadah.	6 (5%)	101 (84.17%)	13 (10.83%)	0
7.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan pengamal selain Melanau Mukah di rumah ibadah.	3 (2.5%)	103 (85.83%)	14 (11.67%)	0
8.	Bahasa yang saya gunakan ketika berdoa bersama-sama dengan orang lain.	3 (2.5%)	18 (15%)	99 (82.5%)	0

Dengan berdasarkan Jadual 3, majoriti, iaitu sebanyak 70.83% masyarakat Melanau Mukah merupakan penganut agama Islam dan selebihnya ialah penganut Kristian. Menerusi Jadual 4 pula, ketika berada di rumah ibadah, responden lebih cenderung untuk menggunakan DMS (40%) dan BM (35.83%). Responden yang memilih BMM pula sebanyak 22.5%, manakala yang berbahasa Iban hanya 1.67%. Trend yang sama diperhatikan dalam situasi bertanya soalan dalam sesi soal jawab agama di rumah ibadah apabila sebanyak 35% dan 33.33% responden memilih DMS dan BM, masing-masing, meskipun penggunaan BMM dalam konteks ini menunjukkan peningkatan, iaitu 31.67%. Namun begitu, apabila berinteraksi dengan pengamal pula (tanpa mengira Melanau Mukah atau tidak), penggunaan DMS melonjak hingga melebihi 80% diikuti oleh BM, iaitu melebihi 10%. Penggunaan BMM pula hanya antara 2.5% hingga 5%.

Penggunaan BM mengatasi penggunaan DMS dalam beberapa situasi dan paling ketara adalah dalam dua situasi, iaitu: (1) berdoa bersama-sama dengan orang lain (82.5%), dan (2) berkomunikasi dengan penceramah (78.33%). Bagi kedua-dua situasi tersebut, penggunaan DMS kurang daripada 15%, sementara penggunaan BMM hampir boleh diabaikan. Situasi lain yang penggunaan BM kekal menyerlah, tetapi masih menampakkan penggunaan DMS dan BMM ialah (1) ketika berdoa secara bersendirian selepas beribadah (BM 67.5%; yang selebihnya hampir sama bagi DMS dan BMM), dan (2) ketika bertanya tentang arahan membaca kitab agama (BM 61.67%; DMS 25%; BMM 13.33%).

Ringkasnya, kebanyakan responden cenderung untuk menggunakan DMS dalam upacara keagamaan dan penggunaan BMM tidak menyerlah dalam domain keagamaan. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh fungsi dan norma sosial dalam domain tersebut yang menuntut kesepadan bahasa dengan konteks formal, khalayak yang lebih luas, serta keperluan untuk mencapai kefahaman bersama. Dengan berdasarkan analisis domain oleh Fishman (1972), penggunaan bahasa bergantung pada gabungan faktor, seperti lokasi (rumah ibadah), lawan tutur (penceramah, pengamal agama dan jemaah dari pelbagai latar etnik) dan topik (keagamaan) yang secara kolektif mendorong pemilihan bahasa yang lebih inklusif dan difahami umum. Oleh itu, DMS dan BM menjadi pilihan utama kerana peranannya sebagai lingua franca dalam kalangan pelbagai etnik, manakala BMM kurang digunakan kerana jangkauan penuturnya yang lebih terhad, serta dianggap kurang sesuai untuk konteks formal dan keagamaan.

Domain Pendidikan

Domain pendidikan merujuk penggunaan bahasa etnik sasaran ketika berkomunikasi dalam konteks sekolah. Penggunaan bahasa responden dalam domain pendidikan ini dapat dilihat dalam Jadual 5.

Jadual 5 Penggunaan bahasa dalam domain pendidikan.

Bil.	Pernyataan	BMM	DMS	BM	BI
1.	Bahasa pertuturan am di sekolah.	6 (5%)	15 (12.5%)	99 (82.5%)	0
2.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan guru di sekolah.	3 (2.5%)	42 (35%)	75 (62.5%)	0
3.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan pekerja am di sekolah.	8 (6.67%)	59 (49.17%)	53 (44.17%)	0
4.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dalam situasi formal di sekolah.	2 (1.67%)	47 (39.17%)	71 (59.17%)	0
5.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan warga sekolah Melanau Mukah.	10 (8.33%)	101 (84.17%)	9 (7.5%)	0
6.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan warga sekolah Melanau selain Melanau Mukah.	5 (4.17%)	42 (35%)	73 (60.83%)	0
7.	Bahasa yang saya gunakan apabila bertutur dengan warga sekolah yang berasal daripada negeri lain.	2 (1.67%)	18 (15%)	100 (83.33%)	0
8.	Bahasa yang saya gunakan ketika berurusan di pejabat am sekolah.	5 (4.17%)	54 (45%)	61 (50.83%)	0
9.	Bahasa yang saya gunakan dalam urusan tidak rasmi di sekolah.	3 (2.5%)	90 (75%)	27 (22.5%)	

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, BM merupakan bahasa pengantar utama di sekolah. Secara umumnya, bahasa utama yang digunakan dalam domain pendidikan ialah BM. Walaupun DMS ialah dialek tempatan, BM tetap menjadi pilihan utama responden bagi kebanyakan situasi dalam domain ini.

Dalam kajian ini, didapati bahawa BM menjadi pilihan majoriti responden (melebihi 50%) untuk situasi yang melibatkan komunikasi dengan guru di sekolah (62.5%), situasi formal di sekolah (59.17%) dan ketika berurusan di pejabat am sekolah (50.83%). Ringkasnya, semua situasi tersebut merupakan situasi formal. Hal ini turut disokong maklum balas responden yang melaporkan bahawa bahasa pertuturan am responden di sekolah ialah BM (82.5%). Bagi semua situasi tersebut juga, didapati bahawa penggunaan DMS dapat dikesan, tetapi tidak terlalu menyerlah, iaitu tidak melebihi 45%, manakala penggunaan BMM hampir dipinggirkan.

Penggunaan BM secara dominan bukan sahaja tertakluk pada konteks formal, tetapi terdapat faktor lain yang turut menjadi menyumbang. Menerusi Jadual 5, apabila responden berkomunikasi dengan warga sekolah Melanau selain Melanau Mukah atau dengan warga sekolah daripada negeri lain, BM juga menjadi pilihan utama, iaitu 60.83% dan 83.33%, masing-masing. Dalam kedua-dua situasi ini, penggunaan DMS masih dapat dikesan, iaitu 35% dan 15%, masing-masing, tetapi BMM sekali lagi mencatatkan penggunaan yang paling minimum. Walau bagaimanapun, bagi situasi yang meliputi interaksi dengan warga sekolah Melanau Mukah, dengan pekerja am, dan urusan tidak formal di sekolah, didapati bahawa penggunaan DMS mengatasi BM dan BMM. Bahasa Inggeris pula langsung tidak digunakan oleh responden dalam domain pendidikan.

Dapatkan ini memperlihatkan bahawa penggunaan BM sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia menjadi pilihan majoriti responden masyarakat Melanau Mukah untuk digunakan sebagai bahasa dominan dalam domain pendidikan. Hal ini dapat dikaitkan dengan BM sebagai bahasa pengantar dalam bidang pendidikan. BMM pula tidak mempunyai penggunaan yang ketara dalam konteks domain pendidikan.

Trend Penggunaan Bahasa Merentasi Tiga Generasi

Penggunaan bahasa responden mengikut generasi (GI, GII dan GIII) ditunjukkan dalam Jadual 6. Domain yang dikaji ialah domain kekeluargaan, domain kejiranan, domain keagamaan dan domain pendidikan. Domain tersebut dipadankan dengan kekerapan penggunaan BMM, DMS, BI dan BM, masing-masing. Jumlah dalam Jadual 6 merupakan hasil darab bilangan item bagi setiap domain dalam soal selidik dengan bilangan responden bagi setiap generasi (iaitu 40 orang).

Jadual 6 Perbandingan penggunaan bahasa mengikut generasi.

Penggunaan Bahasa	Kekerapan Penggunaan Bahasa dalam Domain				
	Kekeluargaan (%)	Kejiranian (%)	Keagamaan (%)	Pendidikan (%)	
GI	BMM	370 (92.5%)	261 (72.5%)	144 (45%)	36 (10%)
	DMS	30 (7.5%)	81 (22.5%)	72 (22.5%)	207 (57.5%)
	BI	0	9 (2.5%)	0	0
	BM	0	9 (2.5%)	104 (32.5%)	117 (32.5%)
	Jumlah	400 (100%)	360 (100%)	320 (100%)	360 (100%)
GII	BMM	260 (65%)	135 (37.5%)	40 (12.5%)	18 (5%)
	DMS	130 (32.5%)	126 (35%)	176 (55%)	54 (15%)
	BI	0	0	0	0
	BM	10 (2.5%)	99 (27.5%)	104 (32.5%)	288 (80%)
	Jumlah	400 (100%)	360 (100%)	320 (100%)	360 (100%)
GIII	BMM	300 (75%)	162 (45%)	64 (20%)	18 (5%)
	DMS	90 (22.5%)	126 (35%)	80 (25%)	108 (30%)
	BI	0	9 (2.5%)	0	0
	BM	10 (2.5%)	63 (17.5%)	176 (55%)	234 (65%)
	Jumlah	400 (100%)	360 (100%)	320 (100%)	360 (100%)

Dengan berdasarkan Jadual 6, didapati bahawa perubahan berlaku dalam penggunaan bahasa merentasi generasi responden. Secara keseluruhannya, repertoire GI merangkumi BMM, DMS dan BM, dengan BMM menjadi bahasa dominan dalam domain kekeluargaan (92.5%), domain kejiranian (72.5%) dan domain keagamaan (45%). Penggunaan BMM oleh GI paling menonjol dalam domain kekeluargaan, tetapi makin menurun apabila merentasi domain kejiranian, domain keagamaan dan domain pendidikan (10%) kerana peluang penggunaannya makin dicabar oleh DMS yang menjadi pilihan paling dominan bagi GI dalam domain pendidikan (57.5%). Didapati juga BM lebih mendapat tempat dalam kalangan GI bagi domain yang melibatkan konteks formal, iaitu domain keagamaan dan domain pendidikan, iaitu 32.5%, masing-masing.

Peralihan kepada GII turut menunjukkan peralihan trend penggunaan bahasa yang ketara. Meskipun BMM masih dominan dalam domain kekeluargaan, peratus penggunaannya (65%) menurun dengan kemunculan DMS sebagai pilihan bahasa yang mencakupi lebih kurang satu pertiga (32.5%) pilihan bahasa dalam domain kekeluargaan. Keterserlahan DMS turut dikesan dalam domain yang didominasi oleh BMM, iaitu domain kejiranian (35%) dan domain keagamaan (55%) bagi generasi sebelumnya. Turut diperhatikan bahawa BM makin banyak digunakan oleh responden untuk domain selain domain kekeluargaan. Malah, BM menjadi bahasa dominan (80%) dalam domain pendidikan untuk GII.

Trend penggunaan bahasa oleh GII mengarah kepada andaian bahawa GIII akan lebih menjurus kepada penggunaan bahasa selain BMM. Namun begitu, dapatan kajian memperlihatkan keadaan yang tidak sebegitu ekstrem. Didapati bahawa BMM kembali berstatus dominan dalam kalangan GIII bagi domain kekeluargaan dan domain kejiranian. Faktor pendorongnya ialah pertambahan bilangan responden BMM yang pada asalnya menuturkan DMS dalam domain kekeluargaan (daripada 32.5% dalam GII menjadi 22.5% dalam GIII) dan responden yang menuturkan BM dalam domain kejiranian (daripada 27.5% dalam GII menjadi 17.5% dalam GIII). Walau bagaimanapun, bagi domain keagamaan dan domain pendidikan pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa GIII mempunyai kecenderungan yang agak ketara untuk menggunakan BM, di samping DMS.

Penelitian terhadap trend penggunaan bahasa merentasi tiga generasi responden mencadangkan bahawa BMM masih mempunyai status bahasa dominan dalam domain kekeluargaan. Meskipun begitu, fenomena dwibahasa sudah mula wujud dalam domain kekeluargaan

dengan penambahan DMS dalam repertoire generasi yang lebih muda. Jika diperluas kepada skop domain kejiranan, dapat diperhatikan bahawa fenomena dwibahasa ini memang wujud sejak GI dan sudah agak biasa dalam kalangan responden. Pada masa yang sama, kedudukan BMM sebagai bahasa dominan dalam domain keagamaan dijangka akan berakhir dengan pemergian GI kerana generasi yang baharu makin jarang-jarang menggunakan dalam domain keagamaan, lebih-lebih lagi dalam domain pendidikan yang BM makin berstatus bahasa dominan. Sementara itu, DMS merupakan variasi yang mempunyai potensi untuk wujud seiring dengan BMM kerana penggunaan DMS dalam GII dan GIII tinggi berbanding dengan GI dalam semua domain, kecuali domain pendidikan. Bahasa Inggeris pula didapati belum dapat menembusi repertoire responden merentasi semua generasi dalam mana-mana domain yang dikaji.

PERBINCANGAN

Dapatkan kajian tentang penggunaan bahasa mengikut domain menggambarkan bahawa masyarakat Melanau Mukah masih menggunakan BMM sebagai lambang bahasa etnik dalam pertuturan sehari-hari, sama dengan masyarakat Kedayan (Dilah Tuah et al., 2021) dan masyarakat Semai (Siti Aisah Zailani et al., 2019) yang masih taat pada bahasa etniknya. Penggunaan BMM pula menonjol dalam domain kekeluargaan dan domain kejiranan. Kedua-dua domain ini melibatkan lingkungan pergaulan yang bersifat dalaman yang lebih berbentuk intraetnik, khususnya ahli keluarga nuklear dalam domain kekeluargaan dan jiran tua Melanau Mukah dalam domain kejiranan. Fishman (1972) mendakwa bahawa setiap konteks dalam kehidupan sehari-hari berbeza-beza dan konteks inilah yang mempengaruhi penggunaan bahasa oleh penutur. Bagi domain kejiranan, komunikasi yang paling berkesan juga melalui penggunaan BMM, terutamanya sesama jiran tetangga yang lazimnya menuturkan BMM sebagai bahasa etnik. Domain kekeluargaan pula merupakan domain yang paling intim kerana penutur menggunakan bahasa untuk menyampaikan kasih sayang, keprihatinan dan sokongan sesama ahli keluarga. Bahasa yang digunakan adalah penuh dengan perasaan dan bersifat tidak formal. Oleh itu, BMM yang berperanan sebagai bahasa etnik merupakan pilihan bahasa yang paling sesuai digunakan dalam konteks kekeluargaan. Hal ini disokong oleh Fishman (1991) yang menyatakan bahawa domain kekeluargaan merupakan domain atas pengekalan bahasa.

Dengan berdasarkan hujah ini, dapat dikatakan bahawa kedudukan BMM masih stabil dalam masyarakat Melanau Mukah pada masa terdekat ini.

Walaupun masih stabil, fenomena percampuran bahasa muncul dalam domain kekeluargaan dan domain kejiranian. Dalam kajian ini, fenomena percampuran bahasa berlaku, khususnya apabila terdapat keperluan untuk komunikasi interetnik. Contohnya, penggunaan DMS sesama ahli keluarga yang bukan ahli keluarga nuklear dan bukan keturunan Melanau Mukah bagi domain kekeluargaan, serta penggunaan DMS dan BM, masing-masing untuk komunikasi merentasi etnik dan dengan penutur negeri lain untuk domain kejiranian. Bagi domain keagamaan dan pendidikan pula, penggunaan BMM adalah minimum kerana pendengar sasaran tidak lagi bersifat homogen, di samping tahap kerasmian yang makin meningkat. Hal ini menjadikan penggunaan DMS dan BM menyerlah dalam domain keagamaan, seterusnya menyokong dapatan yang dilaporkan oleh Chong et al. (2018). Sememangnya, Mohammed Azlan Mis (2011) juga melaporkan keterimaan DMS yang tinggi oleh orang Melanau ketika berkomunikasi dengan suku etnik lain secara amnya kerana DMS merupakan lingua franca di Sarawak. Sementara itu, hal ini selari dengan dapatan oleh Berawati Renddan et al. (2020) yang menunjukkan bahawa tahap kerasmian yang tinggi dalam konteks persekolahan menjadikan penggunaan BM dominan dalam domain pendidikan. Pada masa yang sama, dapatan kajian mencadangkan bahawa komunikasi antara masyarakat Melanau Mukah dengan masyarakat Melanau selain Melanau Mukah lebih bersifat interetnik. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa pergaulan yang digunakan ialah DMS, bukannya BMM, biarpun dalam domain kekeluargaan (tahap kerasmian rendah) atau pendidikan (tahap kerasmian tinggi). Jika diperhatikan penggunaan BMM oleh setiap generasi responden merentasi domain, dapat diperhatikan trend yang seragam, iaitu penggunaan BMM makin menurun dengan meningkatnya tahap kerasmian (kekeluargaan > kejiranian > keagamaan > pendidikan).

Kupasan dari segi penggunaan bahasa mengikut generasi responden dapat memberikan pencerahan lanjut bagi perbincangan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana GI merupakan generasi yang setia menggunakan BMM, khususnya dalam domain kekeluargaan, diikuti oleh domain kejiranian dan domain keagamaan, walaupun memilih DMS dalam domain pendidikan. Penggunaan bahasa etnik dalam hampir semua domain yang dikaji oleh GI membuktikan bahawa kelompok ini ialah penutur jati BMM selaras dengan dakwaan Berawati Renddan et al. (2020). Dalam hal ini,

generasi GI masih mengekalkan penggunaan bahasa etnik ketika berada di rumah dan di luar rumah. Menurut Zuraini Seruji (2014), generasi ini tidak berpeluang ke sekolah untuk mengikuti pembelajaran secara formal, tetapi masih ada dalam kalangan generasi ini yang pandai berkomunikasi menggunakan BM. Oleh itu, tidak hairanlah apabila terdapat sebilangan daripada generasi ini yang menuturkan DMS dan BM, bergantung pada lawan tuturnya. Bagi domain kekeluargaan, domain kejiran dan domain keagamaan bagi GII, walaupun masih menggunakan BMM, golongan ini telah diresapi penggunaan DMS, dengan BM muncul sebagai pilihan dominan dalam domain pendidikan. Bagi GIII pula, majoriti daripadanya didapati beralih kepada penggunaan BM dalam domain keagamaan dan pendidikan, sambil mengekalkan penggunaan BMM dalam domain kekeluargaan dan domain kejiran. Trend yang serupa turut dilaporkan dalam kajian Hayati Lateh et al. (2020), iaitu generasi selain generasi tua makin kaya dalam pilihan bahasa harian merentasi domain. Jika diteliti, walaupun BMM masih digunakan dalam domain yang asas, iaitu domain kekeluargaan dan domain kejiran, peratusan penggunaannya dalam setiap domain merentasi generasi merosot disebabkan oleh kemunculan DMS sebagai pilihan dalam repertoire GII dan GIII. Menerusi dapatan kajian ini, didapati bahawa peranan DMS sebagai lingua franca makin kuat untuk GII dan GIII kerana penggunaan DMS yang secara relatifnya lebih seimbang dalam keempat-empat domain yang dikaji berbanding dengan bahasa lain. Dengan erti kata lain, ruang vitaliti BMM menampakkan penyusutan. Pemerhatian ini selari dengan dapatan Wardani et al. (2016) berkenaan penurunan penggunaan bahasa Banjar bermula daripada GII dan GIII, serta kebanyakan GII yang mula kurang menggunakan bahasa Banjar. Perubahan dalam penggunaan bahasa ini menandakan berlakunya proses peralihan bahasa (Hayati Lateh et al., 2023; Sa'adiah Ma'alip, 2019) yang mungkin mengubah penggunaan bahasa masyarakat Melanau Mukah pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa BMM merupakan pilihan bahasa utama responden untuk domain kekeluargaan dan domain kejiran. Dialek Melayu Sarawak makin diterima dalam komunikasi merentasi etnik Melanau Mukah, seperti sesama ahli keluarga selain Melanau Mukah dan jiran yang berlainan etnik. Peningkatan tahap kerasmian dalam domain keagamaan dan pendidikan bukan

sahaja menyebabkan peningkatan penggunaan DMS dan BM, tetapi meminggaikan BMM. Walaupun pada masa terdekat ini, kedudukan BMM masih kukuh dalam masyarakat Melanau Mukah, keadaan ini mungkin berubah dalam beberapa generasi akan datang berikutan penggunaan DMS yang makin meluas dalam kalangan responden generasi kedua dan generasi ketiga.

Keluarga merupakan faktor utama yang mencorakkan penggunaan bahasa dalam satu-satu kumpulan etnik dan menjadi medium penyampai terhadap kelangsungan penggunaan bahasa etnik. Susulan daripada dapatan kajian ini, usaha untuk mengekalkan penggunaan BMM di rumah haruslah diteruskan untuk mengelakkan BMM daripada menjadi bahasa terancam pada masa akan datang.

Pertembungan budaya dan bahasa dalam masyarakat multilingual menguji sikap kesetiaan penutur bahasa terhadap bahasanya sendiri. Pengekalan dan peralihan bahasa bergantung pada sikap positif dan negatif penutur bahasa. Oleh itu, hala tuju untuk kajian BMM pada masa akan datang perlu mengaitkan penggunaan BMM dengan sikap penutur BMM, selain meneliti tahap kefasihan BMM golongan muda masyarakat Melanau Mukah.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Kai-Chee Lam: Konsep dan reka bentuk kajian, analisis data, penulisan makalah, penyediaan makalah akhir, semakan, penghantaran manuskrip akhir; Nur Khasrina Kahar: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis data, penulisan makalah; Hamidah Abdul Wahab: Analisis data, penyediaan makalah akhir, semakan; Hie-Ling Ting: Analisis data, penyediaan makalah akhir, semakan.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden atas permintaan.

PENDANAAN

Penerbitan ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

RUJUKAN

- Akhmad Mansur, Asbah Razali, Nurhamizah Hashim, Nurul Haniza Samsudin, & Nur Azimah Mohd Bukhari. (2024). Pemilihan dan penguasaan bahasa dalam kalangan masyarakat Bonggi. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 32(1), 29–49.
- Berawati Renddan, Adi Yasran Abdul Aziz, Hasnah Mohamad, & Sharil Nizam Sha’ri. (2020). Domain dan bahasa pilihan tiga generasi etnik Bajau Sama Kota Belud. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7), 96–107.
- Burhan Murshidi Baharon, Ernawita Atan, Sharil Nizam Sha’ri, & Sa’adiah Ma’alip. (2023). Pemilihan bahasa masyarakat orang asli Jahut di Jerantut, Pahang. *Mahawangsa*, 10(2), 67–82.
- Chong, S. (2020). Asal-usul dan perubahan identiti kaum Melanau di Sarawak: Suatu hipotesis. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 4(1), 77–89.
- Chong, S., Hendrikus Mangku, & Collins, J. T. (2018). Pemilihan bahasa komuniti Penan Muslim di Sarawak. *GEMA Online ® Journal of Language Studies*, 18(4), 61–80.
- David, M. K. (2002). *Methodological and Analytical Issues in Language Maintenance and Language Shift Studies*. Frankfurt Am Main.
- Dilah Tuah, Chong, S., Remmy Gedat, & Mohammed Azlan Mis. (2021). Pilihan bahasa dalam kalangan etnik minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: Satu penelitian awal. *GEMA Online ® Journal of Language Studies*, 21(2), 177–194.
- Fishman, J. A. (1972). Domains and the relationship between mico and macrosociolinguistics. Dalam J. Gumperz & D. Hymes (Penyunting), *Directions in sociolinguistics: The ethnography of communication* (hlm. 435–453). Holt, Rinehart & Winston. <https://dokumen.pub/qdownload/directions-in-sociolinguistics-the-ethnography-of-communication-on-9780030777455-0030777453.html>

- Fishman, J. A. (1991). *Reversing language shift: Theoretical and empirical foundations of assistance to threatened languages*, (Multilingual Matters, Jil. 76). Multilingual Matters.
- Gabriel, H. (2024). Choice and use of Sangu language among Sangu speakers of Mbarali Mbeya region, Tanzania. *East African Journal of Arts and Social Sciences*, 7(1), 62–73.
- Hayati Lateh, Mohammad Fadzeli Jaafar, & Chong, S. (2023). Sikap dan persepsi penutur dialek Melayu Satun dalam pengekalan bahasa ibunda. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 11(1), 77–88.
- Hayati Lateh, Mohammad Fadzeli Jaafar, Mohammed Azlan Mis, & Norsimah Mat Awal. (2013). Pilihan bahasa di Sempadan Malaysia–Thailand berdasarkan analisis domain. *Jurnal Linguistik*, 17(2), 91–100.
- Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin, & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2020). Pengekalan dan peralihan dialek Melayu Satun: Korelasi antara penggunaan bahasa dengan faktor umur penutur. *Jurnal Linguistik*, 24(2), 47–58.
- Holmes, J. (2001). *An introduction to sociolinguistics*. Pearson Education Limited.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Kependudukan Sarawak (Siri 87)*. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_D_OSM.SARAWAK_1.2020_Siri-87.pdf
- Majlis Keselamatan Negara. (2022, September). *Tinta bicara hari Malaysia: Kenali Negeri Sarawak*. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/09/12/tinta-bicara-hari-malaysia-kenali-negeri-sarawak/>
- McMillan, J. H., & Schumacher, S. (2001). *Research in education: A conceptual introduction* (ed. ke-5). Longman.
- Mohammed Azlan Mis. (2011). Pilihan bahasa oleh suku kaum Melanau di negeri Sarawak. *Jurnal Linguistik*, 14(1), 1–22.
- Mohd. Arifin Mohd. Arif, Norazlina Mohd Kiram, & Noor Aina Dani. (2020). Aplikasi teori analisis domain dalam domain bahasa etnik Melayu Brunei di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 5(7), 59–75.
- Muliana, I. N., & Subur, M. (2022, Jun). Language choice of non-Balinese ethnic migrants at Desa Buduk, Badung. Proceedings of the 1st Warmadewa International Conference on Science, Technology and Humanity (WICSTH 2021) (7-8 September 2021), Denpasar, Bali, Indonesia. EAI- <https://doi.org/10.4108/eai.7-9-2021.2317733>
- Norfazila Ab. Hamid, & Rahim Aman. (2016). Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Mukah. *Jurnal Melayu*, 15(1), 99–112.
- Nurul Jannah Hussin, & Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2023). Pemilihan dan penguasaan bahasa dalam kalangan anak pasangan kahwin campur orang asli Jakun. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13(1), 47–56.

- Ong, T. W. S., & Ting, S-H. (2023). Children deciding the family language in Chinese families in multiethnic Malaysia. *Notion: Journal of Linguistics, Literature, and Culture*, 5(1), 32–46.
- Sa'adiah Ma'alip. (2019). *Vitaliti bahasa masyarakat orang asli Che Wong* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saputra, R. I., Suryati, & Muzaifyanah. (2024). Analisis penggunaan bahasa daerah dalam berkomunikasi pada masyarakat Desa Gumai Kecamatan Gelumbang Kabupaten Muara Enim. *Jurnal Bahasa Daerah Indonesia*, 1(1), 1–11.
- Siti Aisah Zailani, Riduan Makhtar, & Mohd Sharifudin Yusop. (2019). Pemilihan bahasa dalam masyarakat Semai di Hulu Selangor. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(9), 115–132.
- Wardani, D. I., Sukamto, & Simanjuntak, H. (2016). Pemilihan dan sikap bahasa warga Bubuhan Banjar di Pontianak. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 5(5), 1–17.
- Zenab, A. S., & Anggana, R. D. (2024). Realitas budaya berbahasa masyarakat Sunda: Antara bahasa nasional dan bahasa daerah. Dalam *Prosiding Penelitian dan PKM ISBI Bandung 2023*.
- Zhang, L., Tsung, L., & Qi, X. (2023). Home language use and shift in Australia: Trends in the new millennium. *Frontiers in Psychology*, 14, 1–14.
- Zuraini Seruji. (2014). *Perubahan sifat leksikon dialek Melayu Sarawak mengikut generasi penutur* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.